

WASPADA TERHADAP PENYAKIT2 MASHARAKAT

GADONG. — Sudah sampai masa-nya bagi Brunei berwaspada untuk menghindarkan dari berbagai penyakit masharakat.

Antara penyakit masharakat itu seperti menghisap madat, menganut fahaman hippies yang di-champur adokkan dengan fahaman free love dan free sex yang bertentangan dengan ajaran Agama Islam dan adat resam bangsa Brunei.

Demikian sabda Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abd. Rahim semasa Yang Amat Mulia itu merasmikan pembukaan bangunan baru Sekolah Melayu di-Gadong hari Khamis lalu.

Menteri Besar itu menekankan ada-lah jelas kepada kita bahawa anak2 muda-lah yang mudah terpengaruh oleh perubahan2 yang berselindung di bawah kemajuan itu.

Beliau perchaya pengaruh itu boleh di-atasi atau di-kurangkan jika para ibu bapa dan penjaga murid2 dan kaum pendidik mengambil inisiatif yang positif untuk bertindak ka-atas anak2 dan murid2 dari mengamalkan berbagai2 perubahan yang tidak di-ingini itu.

Yang Amat Mulia itu perchaya di-sabalek kemajuan sains dan teknologi itu Brunei juga merasai perubahan sosial yang di-kaitkan dengan-nya tetapi tidak-lah seperti yang di-hadapi oleh sa-tengah negara2 lain.

Meskipun demikian Brunei harus berwaspada untuk menghindarkan gejala2 penyakit masharakat itu.

Beliau menyeru kepada semua pelajar2 di-negeri ini supaya tidak membuang masa dari menuntut pelajaran yang di-churahkan oleh guru2 mereka.

Dunia yang sedang anak2 hadapi pada masa akan datang ada-lah dunia yang sentiasa dengan kemajuan dan tamadun dan dengan yang demikian jika anak2 tidak bertindak dan berusaha dari sekarang anak2 sendiri akan menyesal kelak.

(Lihat muka 8)

Peluang untuk melanjutkan pelajaran di-New Zealand

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan New Zealand mempelawa kerajaan Brunei mengemukakan dua orang calon untuk kursus sa-lepas universiti (postgraduate) atau kursus baru universiti (undergraduate) di-New Zealand dari bulan Mach, 1973.

Pemohon2 ada-lah di-pelawa dari rakyat Brunei dan mempunyai kelulusan ijazah universiti atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya atau pemegang Sijil Pesekolahan Tinggi atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya.

Pemohon2 hendak-lah menunjukkan kebolehan berbahasa Inggeris dengan faseh supaya memudahkan mengikut kursus di-New Zealand itu.

Pemohonan2 hendak-lah dibuat dengan mengisikan borang yang boleh di-dapati dari Setia Usaha Jawatan Kuasa Dermasiswa Jabatan Pelajaran Bandar Seri Begawan dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15 Mei, 1972.

Pemohon2 yang memerlukan keterangan2 lanjut mengenai dengan dermasiswa ini hendak-lah berhubung dengan Setia Usaha Jawatankuasa tersebut.

Majalah Tafsir Darus-salam siri kedua sudah terbit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS-SALAM" siri kedua terbitan Jabatan Hal Ehwal Uagama Brunei sekarang sudah ter-

bit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen saskah.

Dalam keluaran kali ini, (Lihat muka 8)



Menteri Besar..... anak2 muda-lah yang terpengaruh oleh perubahan2 yang berselindung di-bawah kemajuan itu.

160 orang jemaah haji tiba pada 11 dan 12 Feb.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 160 orang jemaah haji Brunei di-jadualkan tiba dengan kapal terbang pada hari Jumaat, 11hb. Februari dan hari Sabtu, 12hb. Februari dari Singapura sa-telah selesai menyempurnakan fardhu haji di-Mekah.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Uagama, Bahagian Urusan Haji berkata, sa-ramai 112 orang jemaah haji akan berlepas dari Singapura pada 11hb. Februari dalam tiga penerbangan.


Penerbangan pertama di-

jadualkan tiba di-lapangan Berakas pada pukul 8.45 pagi, penerbangan kedua melalui Kota Kinabalu pada pukul 4.00 petang dan penerbangan ketiga akan tiba pada pukul 5.30 petang.

Sa-ramai 48 orang jemaah haji yang lain-nya akan tiba pada hari Sabtu, 12hb. Februari jam 12.45 petang.

Juruchakap itu mengingatkan keluarga2 jemaah2 haji yang belum lagi mengetahui akan ketibaan keluarga2 mereka ada-lah di-minta supaya menghubungi Jabatan Hal Ehwal Uagama di-daerah masing2.

Beliau juga mengingatkan bahawa orang ramai dan saudara mara jemaah haji ada-lah tidak di-benarkan masuk ka-bangunan lapangan terbang. Hanya pegawai2 yang bertugas dan mereka yang mempunyai pas sahaja di-benarkan masuk ka-bangunan itu.



MENTERI Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan sijil2 kepada 215 orang guru — termasuk 90 orang guru perempuan yang telah lulus kursus sa-lama tiga tahun dari Maktab Perguruan Brunei (Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah).

Upacara penyampaian sijil2 tersebut telah di-adakan dewan maktab yang baru itu di-Jalan Gadong pada 29hb. Januari yang lalu.

Gambar atas menunjukkan Yang Amat Mulia itu sedang menyampaikan sijil kepada salah sa-orang penerima di-upacara penyampaian sijil tersebut.

Di-tengah2 sedang memerhati ialah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes dan di-sebelah kanan ia-lah Penyusun Latehan Perguruan, Awang A.D. Bumford.

Pendaftaran bagi memasuki peperiksaan L.C.E. dan S.R.P.

BANDA RSERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi peperiksaan2 Sijil Rendah Pelajaran aliran Inggeris dan Melayu bagi 1972 telah bermula pada 5 Februari yang lalu.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran Bahagian Peperiksaan berkata, bayaran bagi sijil penuh ia-lah \$15.00 dan bayaran bagi peperiksaan bahasa ia-lah \$3.00 bagi tiap2 satu mata pelajaran.

Juruchakap itu menerangkan bahawa hanya chalun2 yang sekarang dalam Form Tiga atau Tingkatan Tiga akan di-terima untuk memasuki peperiksaan itu.

Lain2 chalun yang juga akan di-terima untuk memasuki peperiksaan itu ia-lah mereka yang sekarang belajar di-kelas2 dewasa dan kelas2 petang dan mereka yang belajar sa-chara pos dari maktab2

Perkhidmatan pos sungai di-Daerah Temburong berjalan dgn. memuaskan

BANGAR, TEMBURONG. — Jabatan Perkhidmatan Pos masih lagi menjalankan perkhidmatan pos di-sungai ka-kampung2 yang belum dapat di-hubongi dengan jalan darat di-Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata perkhidmatan tersebut sedang berjalan dengan memuaskan.

Ketika mula2 menjalankan perkhidmatan-nya tiga tahun yang lalu, ia berkhidmat bagi sa-buah kampung tetapi sekarang hanya ke-semblan buah kampung saja.

Kampung2 yang di-kunjongi oleh bot perkhidmatan pos sungai itu ia-lah Nagalang,

Tanah Merah, Lamaling dan Selapon di-kawasan Ulu Batu Apoi, Perdayan, Senukoh dan Piasau2 di-kawasan Labu, Biang Tengah dan Batang Duri di-Ulu Temburong.

Dua puluh satu buah kampung lain itu yang dahulu-nya mendapat perkhidmatan pos sungai sekarang menerima mel2 mereka melalui jalan darat.

Kampung2 itu ia-lah Ujong Jalan, Belais, Bokok, Meniup, Bakarut, Sembatang, Kenua, Lepong Lama, Lepong Baru, Semabat, Temada, Belingos, Belaban Baru, Selangan, Parit, Amo, Sibut, Lubuk, Belaban, Sumbiling Baru, Batu Apoi dan Labu Estate.

Perkhidmatan yang di-jalankan oleh pos2 sungai dan darat pada masa ini hanya di-hadkan kepada penjualan setem2 dan penerimaan mel2 biasa.

LAPANGAN TERBANG ANTARA-BANGSA BRUNEI MUNGKIN DI-GUNAKAN DALAM BULAN SEPT.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembenaan lapangan terbang antara-bangsa Brunei di-Berakas berjalan lancar dan seluruh projek itu di-jangka siap akhir tahun ini dan landasan-nya akan dapat di-gunakan menjelang akhir bulan September.

Ini telah di-nyatakan oleh Awang V.A.E. Lawley, wakil penasihat sharikat2 Scott, Wilson, Kirkpatrick dan Rakan, badan yang mereka dan mengawasi kerja2 pembenaan-nya bagi pihak kerajaan.


Pemborong awam ia-lah sharikat Kejuruteraan Awam Costain Berhad sementara sharikat Sin Yen sa-bagai pemborong bagi pembenaan bangunan lapangan terbang.

Awang Lawley berkata, kerja2 penggalian tanah2 paya yang menyebabkan kelambatan, hampir2 selesai dan sa-bahagian besar daripada-nya sudah pun di-timbus semula.

Sa-bahagian besar dari landasan-nya sudah pun di-buboh pasir2, cement dan batu2 hanchor dan kerja membuboh aspal sedang berjalan lancar sementara kerja2 di-kawasan halaman sudah pun bermula.

Kerja2 pembenaan kompleks bangunan yang tergendala oleh lambat-nya ketibaan besi dari seberang laut sedang berjalan lebeh lancar terutama-nya pembenaan ka-atas menara pengawalan, sa-tinggi 100 kaki yang di-jangka dapat di-gunakan akhir September.

Seluruh projek tersebut di-anggarkan menelan belanja \$60 juta dan ini termasuk perbelanjaan \$6 juta untuk bangunan, pembelian tanah, penempatan semula orang2 kampung, perumahan dan lain-nya.



KERJA2 pembenaan sa-buah jeti di-Kampung Dato Gandhi sedang berjalan lancar. Jeti tersebut akan di-gunakan apabila D.Y.M.M. Baginda Queen turun ka-kenaiakan Diraja yang akan membawa baginda ka-tambatan Kastam Diraja Bandar Seri Begawan. Baginda Queen akan membuat lawatan ka-negeri ini pada 29hb. Februari ini.



KHUTBAH JUMA'AT

SHAITAN MENJADI MUSOH KETAT KAPADA MANUSIA

DI-TENGAH2 kehidupan masyarakat manusia ini ada sa-jenis makhluk halus yang hidup dan berchampur gaul dengan manusia. Makhluk itu ia-lah tidak lain dan tidak bukan "shaitan" yang di-jadikan Allah daripada api.

Manusia tidak-lah dapat menghubungi shaitan dengan pandangan mata, tidak dapat menghubungi dengan pendengaran telinga, tidak dapat menghubungi dengan perantaraan lidah dan tangan. Tetapi perhubungan shaitan dengan manusia tetap berlaku semenjak Adam dan Hawa hingga-lah ka-zaman peniupan sangka kala kelak.

Shaitan itu sentiasa bekerja, berusaha dan berjuang terus menerus menipu, menggoda dan menjerumuskan manusia ka-lambah kejahatan, kerosakan, kehinaan dan dosa. Semua manusia ada-lah sentiasa terdedah kepada godaan shaitan, tidak kira sa-orang itu alim, cherdek pandai, buta huruf atau sa-bagai-nya. Chuma manusia2 yang telah tahu buruk baik, tahu dosa pahala, tahu benar dan salah, serta tegoh pula semangat takwa dan iman sahaja-lah yang akan dapat mempertahankan diri dari godaan shaitan itu.

Chara dan teknik shaitan itu menggoda tentu-lah tidak sama terhadap sa-orang yang alim dengan yang jahat, kerana jika tindakan itu sama mungkin shaitan tidak akan dapat menggoda si-alim, dengan hal yang demikian maka tidak-lah akan banyak orang yang terperangkap dalam godaan shaitan. Tetapi shaitan chukop sedar bagaimana ia-nya harus bertindak, shaitan pandai menchari kelemahan2 diri sa-seorang. Maka kerana itu-lah banyak manusia terjumuk ka-lambah dosa dan kejahatan.

Oleh kerana perjuangan shaitan itu terlalu halus chara-nya dan terlalu merbahaya pula kepada manusia, maka Allah Subhanahu-Wataala telah meneishtiharkan di-dalam Quran bahawa shaitan itu adalah musoh manusia, sa-bagaimana firman Allah di-dalam surat Al-Annam ayat 142 yang bermaksud:

"Jangan-lah kamu mengikut langkah2 shaitan, kerana ia-nya musoh yang terang bagi kamu".

Ayat itu sa-olah2 pengis'tiharaan terang antara shaitan dengan manusia dan antara manusia dengan shaitan, kalau manusia kuat shaitan-lah ka-la-h. tetapi kalau manusia

**Ada dua buah
pintu besar jalan
shaitan masuk
menggoda manusia.
Pertama - marah,
kedua - shawat.**

lemah, maka shaitan pula-lah yang menang.

Menurut Al-Imam Razali bahawa, "Ada dua buah pintu besar jalan shaitan masuk menggoda manusia. Pertama marah dan kedua shawat, dan bilamana sa-seorang itu marah, maka shaitan akan mempermain2kan dia seperti budak2 memperma'nkan bola".

Bila perasaan marah dan juga shawat chukop memunchak biasa-nya pertimbangan orang itu tidak lagi berjalan sa-bagaimana mesti-nya. Kadang2 boleh jadi dia hilang akal, maka gelora seperti inilah yang sentiasa di-tunggu2 oleh shaitan. Sebab dalam gelora dan gelombang itu-lah tipu daya-nya mudah berjalan. Jalan yang sa-baik2-nya bagi orang Islam ia-lah jangan membiarkan diri-nya dikuasai dan di-perintah oleh perasaan marah-nya dan juga shawat-nya. Sa - boleh2 - nya kita-lah yang menguasai kedua2 perkara ini melalui pengajaran2 Islam.

Kalau sudah demikian hal-nya maka umat Islam hendaklah sentiasa waspada dan menyedari ada-nya musoh ketat kita yang bernama Shaitan itu dan berjaga2 daripada tipu daya dan godaan-nya. Mudah2an dengan demikian akan selamat-lah kita hidup di-dunia dan di-akhirat.



GAMBAR atas menunjukkan bangunan mesjid di-Kampung Bunut. Mesjid tersebut telah di-bena orang penduduk2 kampung tersebut dan sa-paroh dari perbelanjaan-nya disumbangkan oleh kerajaan. Bangunan yang menelan belanja kira2 \$30,000 itu di-jadualkan siapa pembenaan-nya dalam tempoh sa-bulan lagi.

Walau pun maseh dalam pembenaan, ia-nya telah digunakan oleh penduduk2 di-

kampung di-sekitar-nya untuk beribadat. Pada Hari Raya Haji yang baru lalu itu beratus2 orang Islam telah bersembahyang di-situ.

Gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari Ahli2 Jawatankuasa Pemebenaan Mesjid Kampung Bunut bergambar ramai di hadapan mesjid tersebut, sa-telah selesai sembahyang Hari Raya Haji yang baru lalu.



Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9 Februari, 1972 hingga ka-hari Selasa 15 Februari, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
9 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36
10 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36
11 Feb.	12-40	4-11	6-38	7-49	5-06	5-20 6-35
12 Feb.	12-40	4-11	6-38	7-49	5-06	5-20 6-35
13 Feb.	12-40	4-11	6-38	7-49	5-06	5-20 6-35
14 Feb.	12-40	4-11	6-38	7-49	5-06	5-20 6-35
15 Feb.	12-40	4-11	6-38	7-49	5-06	5-20 6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(9hb. Februari, 1972)

SOAL PENYAKIT MASHARAKAT

YANG Amat Berhormat Menteri Besar telah mengingatkan supaya rakyat dan penduduk negeri ini sentiasa dengan kewaspadaan dalam menghadapi sa-barang pengaruh yang mungkin menimbulkan berbagai2 chorak penyakit masyarakat.

Sejak akhir2 ini beberapa perubahan telah timbul berikutan dengan beberapa kemajuan dari hasil usaha yang diperolehi oleh apa yang di-katakan sa-bagai dunia sains dan teknologi sekarang ini.

Kita bukan-lah bersikap sa-bagai anti kepada kemajuan sains dan teknologi itu, malahan sa-bagai satu bangsa yang hidup dalam sa-buah negara yang berchita2 untuk maju mengikut arus kemajuan bangsa2 lain di-dunia ini, kita juga menghormati terhadap kemajuan2 itu dan kita juga tidak dapat lari daripada-nya untuk kepentingan sa-bagai asas mengujudkan kemajuan dalam berbagai2 bidang.

Kita memang memerlukan peralatan2 yang chupuk dari chiptaan sains dan teknologi itu, bahkan kita juga telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk memiliki peralatan2 yang demikian rupa supaya kemajuan bangsa dan negara kita akan ujud dan supaya kita tidak teraba2 dan terganggu dengan kemajuan2 masa depan dunia yang mungkin agong dari yang ada sekarang ini. Pideknya dari segi material yang menjadi dakwaan kemajuan sains dan teknologi itu kita tidak bertujuan untuk mengasingkan diri daripada-nya, bahkan kita juga berharap supaya ia-nya dapat di-pergunakan bagi kepesatan perkembangan negara dan bangsa kita.

Apa yang meragukan kita sekarang ia-lah pengaruh2 yang merayapi rohani bangsa kita, terutama sekali di-kalangan anak2 muda. Saperti yang di-katakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa di-sebalek kemajuan sains dan teknologi itu kita juga mula merasai perubahan sosial.

Walaupun perubahan yang di-sebutkan itu tidak saperti yang di-hadapi oleh sa-tengah2 negara lain, tetapi bagi kita di-Brunei ini masa-nya sudah sampai untuk berwaspada supaya kita terhindar dari berbagai2 penyakit masyarakat saperti menghisap madat, penganut fahaman hippies dan lain2, kerana kita tidak mahu melihat adat resam bangsa dan agama kita di-champor adokkan dengan fahaman free love dan free sex yang bertentangan dengan agama dan adat bangsa kita itu.

Ada-lah sukar untuk menafikan bila mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan bahawa anak2 muda-lah yang mudah terpengaruh oleh perubahan2 yang berselindong di-bawah kemajuan yang tidak di-ingini itu.

Beliau percaya bahawa pengaruh2 itu akan boleh di-atasi atau di-kurangkan jika para ibu bapa dan penjaga murid dan juga kaum pendidik mengambil inisiatif yang positif dengan bertindak ka-atas anak2 dan murid2 mereka dari mengamalkan berbagai2 perbuatan yang tidak di-ingini dan bertentangan dengan adat resam dan agama kita.

SIRI KETIGA CHERAMAH SEJARAH

RENGKASAN SULTAN-SULTAN YANG MEMERENTAH BRUNEI

SULTAN YANG PERTAMA memerintah Brunei bernama Sultan Muhammad. Sultan Muhammad ini di-ganti oleh adinda baginda yang bernama Sultan Ahmad. Menurut batu bersurat yang di-tulis oleh Khatib Abdul Latif yang bertarikh T.M. 1806, Sultan Ahmad ini berkahwin dengan Puteri Kinabatangan ia-itu saudara kepada Ong Sum Ping, beranakkan sa-orang puteri. Puteri itu berkahwin pula dengan Sharif Ali, Sultan Brunei yang ke-3. Keturunan Sultan Sharif Ali ini maseh belum dapat di-tentukan, kerana terdapat beberapa perbezaan keterangan. Ada diantara-nya yang mengatakan bahawa keturunan Sharif Ali itu ia-lah daripada Al-Alawiah dan ada pula yang mengatakan daripada Al-Kadziri dan berbagai2 lagi. Namun demikian, hal ini maseh di-selideki lagi hingga masa ini.

Sultan Sharif Ali ini berputerakan Sultan Sulaiman ia-itu Sultan yang keempat menduduki takhta Kerajaan Brunei. Sultan Sulaiman berputerakan Sultan Bolkiah yang menjadi Sultan Brunei yang ke-lima. Sultan Bolkiah berputerakan Sultan Abdul Kahar yang menjadi Sultan yang keenam dan Sultan yang ke-tujuh ia-lah Sultan Saiful Rijal, putera kepada Sultan Abdul Kahar.

Sultan Saiful Rijal mempunyai dua orang putera yang pernah menduduki takhta Kerajaan Brunei. Putera baginda yang pertama bernama Sultan Shah Brunei, Sultan Brunei yang ke-lapan bagi menggantikan ayahanda baginda dan selepas itu Sultan Shah Brunei di-ganti pula oleh adinda baginda yang bernama Sultan Hasan, Sultan Brunei yang kesembilan.

Sultan Brunei yang kesepuluh ia-lah Sultan Abdul Jalilul Akbar yang naik takhta sa-lepas Sultan Hasan lindong. Sultan Brunei yang ke-11 ia-lah putera kepada Sultan Abdul Jalilul Akbar yang bernama Sultan Abdul Jalilul Jabbar.

Apabila Sultan Abdul Jalilul Jabbar lindong, maka baginda di-ganti oleh ayah saudara baginda yang bernama Sultan

DALAM keluaran minggu lepas, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri telah memperkatakan tentang ujud dan terkenal-nya Brunei yang menurut pengkajian beliau ia-lah sejak kurun masehi yang ke-6 dan ke-7. Dalam cheramah itu juga beliau telah menimbulkan tentang tarikh kemasokan Islam ka-Brunei yang menurut pengkajian-nya ia-lah sejak sa-belum tahun masehi 1500. Beliau telah menolak pendapat Abdul Hadi bin Haji Hassan yang mengatakan dalam buku Sejarah Alam Melayu bahawa Islam sudah bertapak di-Brunei dalam kurun masehi yang ke-16 ia-itu sa-sudah tahun masehi 1500.

Berikut ini pula di-siarkan mengenai Sultan2 yang memerintah Brunei yang di-padankan dari cheramah beliau yang ketiga. — Pengarang.

Muhammad Ali ia-itu adek kepada Sultan Abdul Jalilul Akbar. Sultan Muhammad Ali menjadi Sultan Brunei yang ke-12.

Dalam zaman Sultan Muhammad Ali ini telah terjadi suatu perselisihan keluarga antara pehak Sultan Muhammad Ali dengan pehak Pengiran Bendahara Abdul Mubin. Perselisihan ini berterusan sehingga sampai kemunchak yang tidak dapat di-bendong dan akhir-nya terjadi peristiwa bunuh membunuh yang merupakan suatu trajidi yang mengerikan. Trajidi yang menggerunkan ini berakhir dengan kekalahan di-pehak Sultan Muhammad Ali dan kesudahan-nya Pengiran Bendahara Abdul Mubin telah menduduki takhta Kerajaan dan menjadi Sultan Abdul Mubin ia-itu Sultan Brunei yang ke-13 dan Pengiran Muda Muhyiddin di-gelar menjadi Pengiran Bendahara.

Dalam masa pemerintahan Sultan Abdul Mubin ini telah berlaku lagi suatu peristiwa. Suatu pertentangan telah di-timbulkan oleh Pengiran Bendahara Muhyiddin terhadap Sultan Abdul Mubin. Pengiran Bendahara Muhyiddin ini ada-lah menantu kepada Sultan Muhammad Ali dan putera kepada Sultan Abdul Jalilul Akbar. Di-samping menjadi menantu kepada Sultan Muhammad Ali, Pengiran Bendahara Muhyiddin ini juga ia-lah anak saudara kepada Sultan Muhammad Ali. Peristiwa pertentangan terhadap Sultan Abdul Mubin itu ada-lah merupakan suatu dendam untuk membela Sultan

Muhammad Ali. Pertentangan itu berkesudahan dengan kekalahan di-pehak Sultan Abdul Mubin dan Pengiran Muhyiddin pun menjadi Sultan Brunei yang ke-14.

Sultan Muhyiddin ada-lah sa-orang Sultan yang warak serta berpendirian tegoh dan baginda tidak mahu mengambil hak orang. Baginda ber-hajat hendak memulangkan takhta Kerajaan Brunei kepada putera Sultan Muhammad Ali yang bernama Pengiran Muda Muhammad Alam yang telah lari menyelamatkan diri ka-Sambas dalam masa bergolak-nya pertentangan terhadap ayahanda-nya. Pengiran Muda Muhammad Alam telah di-panggil balek oleh Sultan Muhyiddin dan di-jadikan baginda sa-bagai Raja Bendahara Alam ia-itu suatu gelaran yang terkenal sa-bagai bakal pengganti Sultan. Tetapi malang-nya, Raja Bendahara Alam ini telah mangkat lebih awal daripada Sultan Muhyiddin.

Sultan Muhyiddin tidak puas hati dan maseh tetap berpegang tegoh kepada hasrat baginda untuk tidak mahu menurunkan takhta itu kepada waris2 baginda. Baginda berpendapat bahawa sa-lagi ada waris2 yang berhak menduduki takhta kerajaan itu, khas-nya dari waris Sultan Abdul Jalilul Akbar, maka baginda tidak akan menurunkan takhta kerajaan itu kepada putera2 baginda.

Putera Sultan Abdul Jalilul Akbar yang tua bernama Pengiran Besar Abdul yang berputerakan Pengiran Nassaruddin. Maka apabila Sultan Muhyiddin lindong, Pengiran Nassaruddin ini-lah yang menjadi Sultan Brunei yang ke-15.

Dalam masa Sultan Nassaruddin ini memerintah, maseh terdapat ramai putera2 sultan yang patut menjadi raja. Keadaan ini telah menimbulkan kesukaran bagi baginda untuk menjalankan pemerintahan dan baginda terpaksa menggunakan kebijaksanaan. Dengan kebijaksanaan itu baginda telah dapat melaksanakan pemerintahan dengan baik-nya Sultan Nassaruddin.

(Lihat Muka 5)

PEMBETULAN

DALAM keluaran minggu lepas terdapat kesalahannya sa-buah negeri yang bernama PUNI dalam para yang pertama. Baris yang ke-10 dalam para yang pertama itu hendak-lah di-bacha saperti berikut: "Riwayat itu menyebutkan bahawa dalam tahun masehi 518, 619, 621 telah ada sa-buah negeri bernama PUNI" — Pengarang.

SULTAN-SULTAN YANG MEMERENTAH BRUNEI

(Dari Muka 4)

saruddin tidak mempunyai putera yang bakal menggantikan baginda dan sa-telah baginda lindong, takhta kerajaan diduduki pula oleh putera Sultan Muhammad Ali yang bernama Sultan Kamaluddin sa-bagai Sultan Brunei yang ke-16.

Sultan Kamaluddin juga berpendirian seperti Sultan Muhyiddin ia-itu tidak mahu menurunkan takhta kerajaan kepada waris2 baginda dan baginda berpendapat bahawa hak kerajaan yang di-jalankan oleh baginda itu ada-lah hak waris2 Sultan Muhyiddin. Baginda sentiasa mengenang kembali jasa2 Sultan Muhyiddin yang telah dapat mempertahankan takhta kerajaan dari di-warisi oleh waris2 Sultan Abdul Mu-bin.

Baginda memutuskan bahawa takhta Kerajaan Brunei tidak akan di-warisi oleh keturunan baginda sendiri. Berkebetulan baginda tidak mempunyai sa-orang putera yang patut menggantikan baginda. Maka dalam masa baginda maseh memerintah, baginda telah menurunkan diri dari takhta dan menyerahkan takhta itu kepada menantu baginda yang bernama Pengiran Muhammad Alauddin menjadi Sultan yang ke-17. Sultan Muhammad Alauddin ini ia-lah putera kepada Pengiran Di-Gadong Shahmuiddin ibnu Sultan Muhyiddin. Sa-lepas itu, Baginda Sultan Kamaluddin pun menjadi Paduka Maulana dan bersemayam di-Temburong.

Sultan Muhammad Alauddin ini memerintah lebih kurang dalam T.M. 1735 dan baginda lindong dalam masa Paduka Maulana Sultan Kamaluddin maseh hidup, dan dengan sebab itu Paduka Maulana Sultan Kamaluddin pun menduduki sa-mula takhta Kerajaan Brunei.

Al-Marhum Sultan Alauddin ini mempunyai dua orang putera yang gahara, sa-orang bernama Pengiran Muda Amir Bahar dan sa-orang lagi bernama Pengiran Muda Omar Ali Saifuddin. Pengiran Muda Omar Ali Saifuddin ini menjadi menantu kepada Sultan Kamaluddin. Bersebab dengan itu, Pengiran Muda Omar Ali Saifuddin ini nampaknya sudah mahu di-timang2 untuk menjadi Sultan.

Dengan kebijaksanaan Paduka Maulana Sultan Kamaluddin, kedua beradek itu telah di-panggil baginda untuk memutuskan siapa di-antara mereka itu yang akan menduduki takhta kerajaan. Perundingan itu berjalan dengan tenang. Sa-bagai saudara yang tua, Pengiran Muda Amir Bahar berdatang sembah untuk menyatakan perasaan yang tulus ikhlas

menyerahkan peluang untuk menjadi Sultan yang telah diberikan kepada-nya itu kepada adinda-nya Pengiran Muda Omar Ali Saifuddin. Sa-lepas itu, Paduka Maulana Sultan Kamaluddin sa-kali lagi turun dari takhta menjadi Seri Begawan dan melantek Pengiran Muda Omar Ali Saifuddin menjadi Sultan Brunei yang ke-18, di-kenali dengan nama Sultan Omar Ali Saifuddin I yang memerintah dari T.M. 1762-1786.

Sa-telah sempurna melantek Sultan Omar Ali Saifuddin I itu, maka Paduka Seri Begawan Sultan Kamaluddin pun beristirehat di-Luba hingga lindong di-sana.

Sultan Kamaluddin ini boleh di-katakan sa-bagai wali Allah dan tidak mahukan apa2 kebesaran dunia atau di-katakan sa-bagai "Waliullah".

Menurut cerita orang tua2 bahawa zaman Sultan Kamaluddin itu ada-lah merupakan satu zaman yang gemilang dalam sejarah Brunei. Pada masa itu boleh di-katakan seluruh raayat Brunei tidak pernah mengalami kesusahan hidup. Raayat-nya sentiasa hidup dengan senang linang pada sa-tiap hari yang mana kesenangan itu di-katakan sa-bagai berkat Sultan Kamaluddin ini. Mengenai dengan berkat Sultan Kamaluddin ini, menurut cerita orang tua2: suatu hari ketika baginda dalam perkayohan, Baginda Sultan Kamaluddin telah melihat sa-biji buah NYIREH (buah yang pahit) yang di-katakan baginda buah PETABU. Kemudian buah itu di-titahkan baginda supaya di-ambil. Apabila di-buka buah NYIREH itu di-dapati telah menjadi PETABU. Dari kesah ini-lah juga di-katakan bahawa Sultan Kamaluddin itu ada mempunyai berkat. Seperti yang di-katakan di-atas bahawa kesenangan yang di-nikmati oleh orang2 Brunei pada zaman itu ada-lah berkat Sultan Kamaluddin, kerana apabila baginda lindong, maka semua kesenangan itu telah hilang.

Sa-telah Sultan Omar Ali Saifuddin I lindong, maka takhta Kerajaan Brunei telah di-warisi pula oleh putera baginda yang tua yang bernama Sultan Muhammad Tajuddin, Sultan Brunei yang ke-19 dan memerintah dari tahun 1786-1807. Dalam keadaan yang sudah tua, baginda telah turun dari takhta dan melantek putera baginda yang bernama Pengiran Muda Muhammad Jamalul Alam menjadi Sultan Brunei yang ke-20. Tetapi dalam masa kira2 lapan bulan sahaja, Sultan Muhammad Jamalul Alam pun lindong.

Waktu baginda itu lindong, putera-nya yang bernama Pe-



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin III dan D.Y.M.M. Raja Isteri ketika menjalani istiadat Berpuspa pada 31hb. Mei, 1951. Baginda kedua-nya sekarang bergelar D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan D.Y.T.M. Paduka Suri Seri Begawan Raja.

ngiran Muda Omar Ali Saifuddin II maseh kechil lagi dan belum boleh memerintah. Maka sa-belum Sultan Muhammad Tajuddin lindong, baginda telah menyerahkan takhta kerajaan kepada adinda baginda yang bernama Pengiran Di-Gadong Muhammad Kanzul Alam yang menjadi Sultan Brunei yang ke-21. Kemudian Sultan Muhammad Tajuddin pun lindong.

Walau pun baginda menjadi Sultan Muhammad Kanzul Alam, tetapi SI-NAGA yang menjadi tanda penyerahan kerajaan maseh di-pegang oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II. Keadaan yang sa-demikian itu menunjukkan bahawa Sultan Muhammad Kanzul Alam itu hanya sa-bagai pemangku Sultan, tetapi di-kenal juga sa-bagai Sultan pada waktu itu, kerana pemerintahan masa itu di-jalankan oleh baginda, namun demikian Sultan yang sebenar-nya waktu itu ia-lah Sultan Omar Ali Saifuddin II walau pun baginda maseh kechil.

Pada zaman Sultan Muhammad Kanzul Alam itu, telah timbul satu masalah mengenai dengan bakal pengganti Sultan, kerana putera2 baginda sendiri juga berhajat hendak menjadi raja itu, di-antara-nya ia-lah Pengiran Muda Muhammad Alam. Tatakala Sultan Muhammad Kanzul Alam ini sudah tua dan tidak bagitu chergas menjalankan pemerintahan, maka baginda telah menyerahkan takhta itu kepada putera baginda dan yang terkenal sa-bagai Sultan Muhammad Alam atau Sultan Merak Berapi ia-itu Sultan Brunei yang ke-22 yang memerintah dari tahun masehi 1825-1828.

Ketika yang di-sebutkan itu, Negeri Brunei telah mempunyai dua orang Sultan — Sultan Omar Ali Saifuddin II — dan Sultan Muhammad Alam atau Sultan Merak Berapi. Tetapi Sultan yang sah ia-lah Sultan Omar Ali Saifuddin II. Dalam T.M. 1828 Sultan Muhammad Alam atau Sultan

Merak Berapi pun lindong. Sa-telah itu baharu-lah Sultan Omar Ali Saifuddin II menaiki takhta kerajaan sa-bagai Sultan Brunei yang ke-23 dan pada waktu itu Sultan Muhammad Kanzul Alam telah lindong.

Sultan Brunei yang ke-24 pula bernama Sultan Abdul Momin ibnu Pengiran Shahbandar Abdul Wahab ia-itu menantu kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II. Sultan Abdul Momin ibnu Pengiran Shahbandar Abdul Wahab ini ada-lah chunda kepada Sultan Omar Ali Saifuddin I.

Sa-telah Sultan Abdul Momin yang memerintah dalam tahun masehi 1852-1885 lindong, takhta kerajaan diduduki pula oleh Sultan Hashim Jalilul Alam ibnu Sultan Omar Ali Saifuddin II ia-itu Sultan Brunei yang ke-25 (1885-1906).

Apabila Sultan Hashim Jalilul Alam lindong, putera baginda yang bernama Sultan Muhammad Jamalul Alam II telah naik takhta dan menjadi Sultan Brunei yang ke-26 dan memerintah dari T.M. 1906-1924.

Sultan Brunei yang ke-27 ia-lah Sultan Ahmad Tajuddin yang menduduki takhta Kerajaan Brunei sa-telah ayahanda baginda, Sultan Muhammad Jamalul Alam II lindong. Sultan Ahmad Tajuddin memerintah dari T.M. 1924-1950.

Apabila Sultan Ahmad Tajuddin lindong, di-ganti pula oleh adinda baginda, Sultan Omar Ali Saifuddin III ibnu Sultan Muhammad Jamalul Alam, menjadi Sultan Brunei yang ke-28 dan memerintah Brunei dari T.M. 1950-1967.

Sultan Omar Ali Saifuddin III telah menurunkan diri dari takhta kerajaan pada 4 Oktober, 1967 dan di-ganti oleh putera baginda, Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menjadi Sultan Brunei yang ke-29 yang sekarang sedang memerintah Negeri Brunei.

JAWATAN2 KOSONG

Sa-bagai Pegawai Penchen2

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 lelaki yang terdiri raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Pegawai Penchen2 di-Pejabat Penchen Negara, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalun2 mesti-lah lulus L.C.E. Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Pegawai2 dalam perkhidmatan Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang2-nya selama lima tahun dan telah lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu akan juga dipertimbangkan.

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat dalam negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2/3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmatan hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 20hb. Februari, 1972.

Jualan lelong

DENGAN ini di-maalomkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu, 19hb. Februari, 1972 mulai jam 9.00 pagi.

Peluang untuk menjadi rekrut Pulis Diraja Brunei

Pasokan Pulis Diraja Brunei sedang menjalankan kempen mengambil orang2 baru untuk berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai rekrut.

Pemuda2 yang berkhidmat seperti di-bawah ini ada-lah di-jemput hadir di-Balai Pulis, Seria pada hari Khamis, 10hb. Februari dan di-Balai Pulis, Kuala Belait pada hari Sabtu, 12hb. Februari untuk di-temuduga. Temu-duga itu akan di-mulakan pada jam 8.00 pagi.

- Mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan.
- Lulus sekurang2-nya

SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang berkhidmat bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Pejabat Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbukti akan di-anggap lebih mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-sabua badan pentabiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebihan tambahan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 3 EB 4 — \$1000x 30-1120/EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama enam bulan dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 26hb. Februari, 1972.

Darjah Enam Sekolah Melayu atau Inggeris.

- Masih bujang dan berumur di-antara 18 dan 28 tahun.
- Tinggi badan sekurang2-nya 5 kaki dan 2 inci.

Pemohon2 yang berbadan tegap dan mempunyai kelulusan pelajaran yang tinggi ada-lah sangat2 di-kehendaki.

Pemohon2 hendak-lah membawa bersama2 mereka kad pengenalan, surat beranak, sijil2 persekolahan dan lain2 surat akuan pelajaran apabila menghadhiri temu-duga itu.

JUALAN LELONG

Dengan ini di-maalomkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang2 yang tidak bertuan yang di-sebutkan dalam jadual di-bawah ini akan di-adakan pada hari Sabtu, 12hb. Februari, 1972 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Balai Polis, Bandar Seri Begawan, Brunei:-

S1/No.	Butir2 Keterangan	Frame No.
1.	Robin Hood (S)	—
2.	Kris (S)	12396 AI
3.	Robin Hood (GM)	CL 74276
4.	Releigh	71571 (J)
5.	Rught	—
6.	Forever	—
7.	Releigh	8287
8.	Hercules	—
9.	Robin Hood	—
10.	Robin Hood	—
11.	Rambler (GM)	B 2030
12.	Squirrel	DW 6555
13.	Releigh	37933
14.	Robin Hood (S)	—
15.	Rught	—
16.	Rhinos	10636 DO
17.	Releigh	54003
18.	Releigh	—
19.	Releigh	—
20.	Squirrel	21007
21.	Duck Head	—

Penangkap2 lelong yang berjaya hendak-lah membayar dengan tunai saterus-nya memindahkan barang2 itu sa-baik2 saja lelong selesai di-jalankan. Jika barang2 itu tidak di-pindahkan dalam tempoh tersebut wang yang telah di-bayar tidak akan di-balekan dan barang2 itu akan di-lelong semula.

Bil: (73) dlm. PPDB/52/64:3.

Tarikh: 31hb. Januari, 1972.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara.
Brunei.

Sa-bagai Penolong Pegawai Pertanian

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkhidmat untuk memenohi jawatan kosong di-Jabatan Pertanian, Brunei.

PENOLONG PEGAWAI

PERTANIAN — (2 kekosongan)

Kelayakan2:

- Chalun2 hendak-lah sa-baik2-nya berumur sekurang2-nya 30 tahun dan mempunyai Diploma Pertanian atau yang sebanding dengan-nya daripada sa-buah Maktab yang di-iktiraf.
- Pegawai2 tempatan yang sedang berkhidmat di-dalam Jabatan Pertanian dan mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal dalam bidang pertanian akan juga dipertimbangkan.
- Mesti-lah boleh menulis dan bertutor dalam Bahasa Melayu.
- Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam pertanian iklim panas.

Tugas2:

Termasuk-lah menjadi pegawai yang menjaga sa-buah Pusat Pertanian atau di-tugaskan dengan sa-orang Pegawai Pakar Kanan atau di-kehendaki membuat tugas2 yang berkaitan dengan kerja2 tambahan atau penyelidikan.

Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bekerja dan pergi ka-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — \$1000x30-1120/EB/1160x 30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 24hb. Februari, 1972.

Kenyataan2 Pegawai Penguasa Warith Negeri Brunei

SURAT KUASA PESAKA

No. 10/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hoh Shai Chew @ Hee Saye Chew, c/o M/s. Yong Wong & Chin, No. 413, Guru2 Melayu Building, P.O. Box 615, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hee Heng Syn yang telah meninggal dunia di-dalam Temburong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 12 hari-bulan Februari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 7 hari-bulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 11/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Maimunah bte. Pengiran Damit, d/a No. 7, Kampong Bakut Berumpit, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Katijah bte. Pengiran Ahmad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 12 hari-bulan Februari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 7 hari-bulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 12/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Madam Mary Larkins @ Freda bte. Abdullah, d/a Pg. Radin bin Duli Pg. Temenggong, Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Richard Larkins @ Amir Basha yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 12 hari-bulan Februari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 7 hari-bulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. TEMB. 1/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dg. Jalia bte. Haji Ismail, Kampong Menengah, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awg. Tabam bin Metassan yang telah meninggal dunia di-dalam Temburong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri (balu) kepada si-mati.


Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 12 hari-bulan Februari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 7 hari-bulan Februari, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.



KAPAL pengorek yang terbesar di-dunia — SEDCO 445 (gambar di-atas) telah mula menjalankan pengorekan di-perayeran Brunei.

SEDCO 445 yang di-bena untuk di-gunakan di-perayeran dalam telah di-reka menurut kehendak Sharikat Minyak Shell Antara Bangsa oleh Gabongan SEDCO Dallas, Texas.

Kapal pengorek yang berharga kira2 \$15 juta itu telah di-bena di-limbongan kepada Mitsui di-Tamano, Jepun.

Kapal pengorek itu berukuran 445 kaki, dan terbenam sa-dalam 23 kaki. Menara atau derek pengorek yang terletak di-tengah2 kapada itu ia-lah 147 kaki tinggi.

Kapal SEDCO 445 boleh menjalankan gerakan mengorek di-antan sa-dalam 2,000 kaki.

SEDCO 445 sedang mengikat kontrak jangka panjang dengan Sharikat Minyak Shell Antara Bangsa. Tugas yang pertama di-laksanakan oleh kapal itu ia-lah kontrak kecil dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan sekarang menjalankan gerakan mengorek di-perayeran di-pantai Brunei. Ia-nya mula menjalankan pengorekan itu dalam tahun lepas.

Kegiatan2 sukan bagi sekolah2 sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran, Bahagian Latchan Jasmani telah menyusun beberapa kegiatan sukan bagi sekolah2 rendah dan menengah di-negeri bagi tahun 1972 ini.

Sa-banyak 11 kegiatan sukan bagi murid2 sekolah2 rendah lelaki dan perempuan dan 10 bagi sekolah2 menengah ini termasuklah perlumbaan rentas desa, bola sepak, hoki, sepak takraw, bernang, bola keranjang dan bola tampar.

Kegiatan2 sukan bagi penggal pertama ia-itu dari bulan Januari hingga bulan April ia-lah perlumbaan rentas desa, bola sepak dan sukan perengkat daerah. Penggal kedua dari bulan Mei hingga Ogos lanjut-an temasha sukan hingga ka-perengkat negeri dan perlawanan2 bola hoki.

Dalam masa penggal ketiga dari bulan September hingga Disember akan di-adakan perlawanan bola keranjang, bola tampar, sepak takraw dan bernang.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Berbangga dengan raayat yang memileki ijazah kejuruan

(Dari muka 1)

Menteri Besar itu yakin bahawa raayat di-negeri ini mempunyai kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk melayakkan diri mereka menerima dan mempelajari ilmu pengetahuan yang sedang menuju ka-arah kemajuan itu.

Sabda Yang Amat Mulia lagi, bakti-nya telah jelas dan dapat di-banggakan bahawa dalam beberapa tahun saja negeri ini sudah mempunyai raayat yang memileki ijazah profisinal seperti kedokteran, kejuruteraan, sains politik, ahli ekonomik dan lain2 yang mula mengisi berbagai2 kekosongan dalam perkhidmatan2 Kerajaan.

Menyentuh mengenai bangunan baru Sekolah Melayu Gadong, Menteri Besar itu mensifatkan sekolah itu sebagai memberi kemudahan kepada anak2 di-kampung itu bagi mendapatkan peluang persekolahan yang baik yang sataraf dengan sekolah2 lain di-negeri ini.

Bangunan baru itu juga melambangkan hasrat Kerajaan untuk memberi kemudahan yang sama kepada penduduk2 dalam negeri ini dengan tidak mengira sama ada di-dalam bandar atau kampung2 pendalaman dan Kerajaan akan terus memberi kemudahan2 itu jika di-fikirkan perlu.

Yang Amat Mulia itu ber-sabda lagi asas yang di-berikan Kerajaan itu sa-mata2 memberi peluang kepada setiap orang untuk mencapai ilmu pengetahuan bagi memperbaiki keadaan mereka di-samping mengharap-kan kelahiran tenaga2 akademik untuk memenuhi kekosongan dalam usaha Kerajaan meninggikan kemajuan yang sa-laras dengan keperluan zaman.

Majalah Tafsir siri kedua

(Dari muka 1)

"TADFSIR DARUS-SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (6) hingga (25) dari Surah Al-Baqarah, dan penulis-nya adalah terdiri dari empat orang

pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Majalah tersebut boleh dibeli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.



SAMBUTAN2 AWAL MUHARRAM 1392

BANDAR SERI BEAGWAN. — Satu majlis forum akan diadakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada hari Selesa 15hb. Februari mulai jam 8.15 malam.

Majlis tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan sebagai salah satu acara sambutan Awal Muharram 1392.

Tiga orang pencheramah telah di-undang untuk mengambil bahagian dalam majlis forum tersebut. Mereka ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri, Yang Berhormat Awang Haji Aziz bin Begawan Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar dan Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Majlis tersebut akan di-pengerusikan oleh Awang Haji Abdul Aziz Juned.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain akan merasmikan majlis forum tersebut.

Sementara itu Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan juga akan mengadakan sambutan Awal Muharram itu di-semua daerah di-negeri ini. Sambutan itu akan di-adakan serentak ia-itu pada hari Selesa 15hb. Februari mulai jam 8.15 malam.

Majlis sambutan itu akan di-adakan di-Mesjid Setia Ali, Muara, di-Mesjid Sufri Bol-

kiah, Kampong Perpindahan, Berakas, di-Mesjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, di-Mesjid Jame' Pekan Seria, di-Mesjid Hassanul Bol-kiah, Pekan Tutong dan di-Mesjid Utama Mohammad Salleh, Temburong.

Antara acara yang akan di-persembahkan dalam sambutan itu ia-lah bacaan Al-Quran, ucapan dan kemuncak dari segala acara ia-lah yang berupa sa-buah cheramah yang akan di-sampaikan oleh pencheramah2 yang telah di-tetapkan dan akan mengupas dan menghuraikan isi dan nilai hikmat dari peritewah hijrah Nabi Mohammad s.a.w.

Orang ramai ada-lah di-per-silakan hadir untuk menyaksikan majlis sambutan tersebut.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof kelihatan menarek tirai bagi melaksanakan upacara pembukaan rasmi Sekolah Melayu Gadong pada hari Khamis lepas. Sedang memerhati ia-lah Guru Besar dan pengerusi upacara pembukaan sekolah tersebut.

Kuching bebas dari kolera

DAERAH Kuching di-bahagian Pertama Sarawak telah di-ishtiharkan bebas dari penyakit kolera.

Wabak tersebut telah di-kesan di-daerah itu pada 17 Januari, tahun ini.

Peraduan mengarang anjoran Kelab Rotary B.S.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Rotary Bandar Seri Begawan menganjorkan peraduan mengarang terbuka kepada penuntut2 dari peringkat darjah rendah atau persediaan hingga ke-tingkatan enam di-kawasan Bandar Seri Begawan.

Tajuk karangan ia-lah mengenai tanggung jawab masha-

la-nya boleh di-karang dalam bahasa Melayu atau Inggeris dan hendak-lah hasil karya penuntut2 itu sendiri dan di-tulis dengan tulisan tangan.

Karang, hendak-lah di-tulis di i - kertas bergaris dengan menggunakan sebelah muka sahaja dan panjang-nya karangan itu tidak terhad.

Nama penoh, tarikh lahir, nama penoh bapa, sekolah dan tingkatan penuntut itu hendak-lah di-tulis di-bahagian atas kertas pertama karangan itu.

Semua karangan hendak-lah di-hantar kepada pengetua2 sekolah bersama2 dengan borang2 masuk yang telah di-penohkan, tidak lewat dari 29hb. Februari.

Brunei akan sertai perlawanan bola sa-Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menghantar satu pasukan pemain2 bola sepak di-bawah umur 18 tahun ka-perlawanan bola sepak antara sekolah2 menengah kawasan sa-Asia kali ketiga yang akan di-adakan di-Bangkok dalam bulan Julai hadapan.

Ini ada-lah kali kedua negeri ini turut mengambil bahagian dalam perlawanan itu. Perlawanan kali kedua telah di-adakan di-Singapura pada tahun lalu.

Jabatan Pelajaran, Bahagian Latihan Jasmani pada masa ini sedang menjalankan satu pemilihan untuk memilih 22 orang daripada sa-ramai 296 orang pemain2 bola sepak dari 18 buah sekolah di-se-luruh negeri.